

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
BIRO MENEGAH RASUAH				
1	Penubuhan Pusat Pencegahan Rasuah, Cawangan Daerah Belait	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan tempat yang bersesuaian untuk mengadakan program / aktiviti kesedaran bagi mempromosikan integriti dan pencegahan rasuah seperti bengkel dan seminar di Daerah Belait • Mempromosikan pembelajaran yang interaktif serta menyokong program pendidikan pencegahan rasuah • Sebagai pusat sumber bagi kesedaran tentang integriti dan pencegahan rasuah 	Penubuhan Pusat Pencegahan Rasuah adalah salah satu strategi Biro Menegah Rasuah (BMR) dalam usaha-usaha pencegahan rasuah.
PEJABAT PEGUAM NEGARA				
2	BRULAW	Struktur Organisasi	BRULAW adalah untuk maklumat orang ramai terutama kepada Kementerian dan Jabatan-Jabatan dibawahnya dan juga badan berkanun mengenai undang-undang yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam.	BRULAW yang terdapat di laman sesawang AGC adalah platform bagi semua undang-undang Negara Brunei Darussalam dimuat naik. Ia mempunyai maklumat yang terperinci bagi semua undang-undang utama dan tambahan termasuk pindaan dan edisi penyemakan undang-undang.
INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM				
3	Business Centre	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan ruang legar yang lebih selesa serta prasarana pembelajaran yang lebih kondusif; • Menyediakan kemudahan dan tempat untuk kegunaan konsultan serta untuk peserta dan pengunjung ke Institut ini bagi mengadakan berbagai aktiviti pada satu masa • Memusatkan maklumat pada satu tempat (<i>resource repository</i>) yang boleh diakses secara atas talian • Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan kepada para pengguna 	Penaiktarafan perpustakaan kepada <i>Business Centre</i> dengan menyediakan <i>Executive Lounge</i> , Bilik Mesyuarat, Bilik Rehat untuk kegunaan konsultan dan bilik khas untuk kegunaan ibu-ibu " <i>nursing the baby</i> " yang bekerja di Institut ini / yang menghadiri program latihan di Institut ini.
4	Maklumbalas Penilaian Keberkesanan Penyampaian Fasilitator Agensi Kerajaan, Government – Linked Companies (GLCs), Swasta Dan Konsultan Yang Mengendalikan Program Pembelajaran Dan Pembangunan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu meningkatkan mutu penyampaian fasilitator yang telah dinilai rendah bagi penambahbaikan • Memastikan IPA membekalkan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan oleh individu dan organisasi • Meningkatkan keupayaan individu dan menyumbang ke arah keberkesanan organisasi secara berterusan • Mewujudkan Perkhidmatan Awam yang cekap, berkualiti, produktif dan cemerlang 	<p>Penstrukturan baru Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan pada Ogos 2018 melibatkan beberapa perubahan termasuk pembentukan Kluster Penganalisan dan Penilaian (<i>Analysis dan Evaluation Cluster, AEC</i>) bagi menggantikan <i>Assessment Center (AC)</i> yang lama. AEC berfungsi bagi mencapai empat (4) inisiatif, iaitu : 1. Analisa Keperluan L&D, 2. Menilai Keberkesanan Penyampaian Pembelajaran dan 3. Pematuhan kepada Amalan-amalan Terbaik, dan 4. Kajiselidik dalam Bidang Fokus.</p> <p>Keberkesanan Program Pembelajaran dan Pembangunan IPA dinilai melalui kaedah Borang Penilaian dari tiga sudut iaitu : (A) Keberkesanan Program Pembelajaran; (B) Keberkesanan Pengurusan Pembelajaran; (C) Prestasi Penyampaian Fasilitator. Setiap bahagian menumpukan kepada beberapa ciri / kriteria yang telah ditetapkan. Skala penilaian setiap kriteria menggunakan diskriptor nilai 1 – 5.</p>

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>Purata pencapaian keseluruhan telah diperbaharui dengan menunjukkan 'Gradings' iaitu samada A, B, C, D atau E bagi menjelaskan tahap purata yang telah dicapai. Bagi Grade A menjelaskan penilaian mencapai 90% keatas (Cemerlang), Grade B – 80% (Sangat Baik), Grade C – 70% (Baik), Grade D – 60% (Memuaskan), Grade E – 60% ke bawah (Perlu Pembaikan). Penilaian penyampaian Fasilitator ini merangkumi semua Pegawai Latihan IPA, Pegawai dari Kementerian & Jabatan Kerajaan, Konsultan atau Penceramah Jemputan dari pihak Swasta dan GLCs. Proses Penilaian ini dibuat oleh peserta program itu sendiri dengan mengisikan borang penilaian yang telah disediakan oleh pihak IPA pada April – 2019 hingga Februari 2020. IPA akan memberi maklumbalas melalui persuratan tentang pencapaian Fasilitator atau Konsultan yang mencapai Gred C, D & E sahaja bagi tujuan penambahbaikan.</p>
5	<p>Penyediaan Portal <i>Knowledge Hub</i> (K-Hub) IPA</p>	<p>Struktur Organisasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menjana perubahan sikap dan pemikiran melalui pembudayaan aktiviti penyelidikan HROD di kalangan warga perkhidmatan awam dan pengamal HROD • Memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat rujukan serta penyelidikan di dalam satu tempat, memandangkan IPA adalah sebuah institusi pusat ilmu • Meningkatkan pengetahuan serta kemahiran para pengguna di dalam bidang HROD yang boleh memberi faedah serta sumbangan terhadap sosio-ekonomi negara • Menjadi hab atau pusat maklumat dan ilmu pengetahuan (<i>information and knowledge hub</i>) 	<p>Dalam usaha IPA untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran dan Pembangunan, projek K-Hub adalah salah satu inisiatif IPA dalam mempelbagaikan perkhidmatan (<i>value-added service</i>) yang diberikan. Projek yang berupa portal ini menawarkan penempatan bagi pelbagai bahan digital berkenaan dengan Pembangunan Sumber Manusia dan Organisasi (HROD) dari dalam dan luar negara. Portal ini diharapkan akan menjadi pusat tumpuan penyelidikan dan rujukan berkaitan dengan Pembangunan Sumber Manusia dan Organisasi (HROD) bagi warga Perkhidmatan Awam dan pengamal - pengamal HROD dari pelbagai sektor dan persendirian di peringkat tempatan dan serantau.</p>
6	<p>Perluasan Skop Latihan dalam 100 Jam Latihan (SK JPM Bil. 3/2003)</p>	<p>Dasar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan jumlah jam pencapaian tempoh latihan minima (100 Jam) Perkhidmatan Awam • Menangani isu-isu yang berkaitan dengan pencapaian tempoh minima 100 Jam latihan (SK3:2003) Perkhidmatan Awam 	<ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif ini diperkenalkan hasil daripada penilaian laporan-laporan pencapaian 100 Jam Latihan yang diterima • Kaedah ini adalah salah satu daripada amalan terbaik di dalam arena Pembelajaran dan Pembangunan (<i>Learning and Development</i>) dan diterima pakai di peringkat antarabangsa (ITD dan CIPD, UK) • Terma 'Pembelajaran dan Pembangunan' dimasukkan sebagai salah satu skop latihan yang dinyatakan dalam SK JPM 3/2003 • Kaedah ini menggunakan model pembelajaran dan pembangunan 70:20:10 (70 – pengalaman, 20 – sosial, 10 – rasmi) di mana model ini dijadikan sebagai rujukan kepada jenis-jenis aktiviti pembelajaran dan pembangunan yang boleh diterokai dan digunapakai mengikut kesesuaian.

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
7	Penyediaan Program Pembelajaran Dan Pembangunan Berkaitan 4IR Dan Inovasi	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat penandaarasan (<i>benchmarking</i>) dan merekabentuk program pembelajaran yang berkaitan dengan konsep 4IR • Mengendalikan dan memantau program-program pembelajaran dan pembangunan berkenaan • Menggunakan kaedah berasaskan teknologi dalam penyediaan, penyampaian, penganalisaan dan lain-lain berhubung program pembelajaran 	<p>Institut Perkhidmatan Awam (IPA) mengambil langkah dan inisiatif berhubung kajian keperluan pembelajaran (<i>Learning Needs Analysis</i>) bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan Awam bermula 2018. IPA telah menjemput Penyelaras Latihan atau <i>Human Resource Development Ambassador</i> (HRDA) Kementerian dan Jabatan menyertai sesi <i>Engagement</i> di IPA. Melalui kaedah <i>Survey Question</i> dan <i>Focus Group</i> pula, didapati permohonan bagi program pengenalan terhadap konsep 'Revolusi Industri Keempat' atau 4IR semakin meningkat. Sebelum ini, IPA menyampaikan program berunsurkan ICT seperti penggunaan Microsoft Office. IPA telah mengkaji dan mengemaskini / menghasilkan program-program baru berkaitan 4IR berikut yang kini menjadi kurikulum tahunan bagi pegawai-pegawai Kerajaan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) SD1502 <i>Data Analytics For Public Sector</i> 2) SD1402 <i>Data Analysis And Decision Making With Microsoft Excel</i> 3) OC4208 <i>Applying 4IR in Organisation</i> 4) PC4108 <i>Design Thinking</i> <p>Di samping itu, IPA juga menyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengenai keperluan pengetahuan serta penguasaan 4IR dalam pendidikan, kemahiran serta peningkatan perkhidmatan pelanggan.</p> <p>Tambahan pula, IPA telah berjaya melaksanakan beberapa <i>signature program</i> pada tahun kewangan 2019 – 2020 yang bertemakan 4IR dan sekaligus memperkenalkan kaedah berasaskan teknologi bagi membantu memperkembangkan pengalaman pembelajaran, seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>Demystifying Industrial Revolution 4.0 For Public Sector Executives</i> (3 Julai 2019) 2) <i>HRD Roundtable – Elevating The HR Function Through Digital Transformation</i> (13 – 14 November 2019) 3) <i>Persidangan Perkhidmatan Awam – Penguatan Integriti dan Inovasi Perkhidmatan Awam Dalam Era Revolusi Industri 4.0</i> (19 November 2019) 4) <i>Leadership Bootcamp – Leaders Role Towards 4IR Execution</i> (28 Januari 2020) 5) <i>Governance Week – Ushering Good Governance in the New Decade</i> (3 – 5 Februari 2020) 6) <i>Power Breakfast – The Future of Jobs</i> (29 Februari 2020).

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN				
8	Anugerah Inovasi Perdana	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggalakkan inovasi dalam urus tadbir baik (<i>good governance</i>) dalam perkhidmatan awam; ● Menghargai keunggulan dan kecemerlangan dalam perkhidmatan awam; ● Memotivasi pegawai / kakitangan perkhidmatan awam untuk lebih mempromosikan dan menggalakkan inovasi; ● Meningkatkan profesionalisma dalam perkhidmatan awam; ● Meningkatkan imej perkhidmatan awam; dan ● Mengumpulkan dan menyebarkan amalan terbaik (<i>best practices</i>) untuk dicontohi agensi perkhidmatan awam yang lain 	Anugerah Inovasi Perdana (AIP) ini merupakan kesinambungan kepada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan Pentadbiran Awam Negara Brunei Darussalam melalui penaiktarafan dan penggabungan antara Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC). Anugerah ini khusus untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan bagi kementerian dan jabatan kerajaan / orang ramai / swasta secara berkumpulan dan perseorangan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM				
9	Penelitian dan pengemaskinian semula Surat Perjanjian Latihan Dalam Perkhidmatan	Dasar	Melaksanakan tindakan-tindakan bagi mengutip balik perbelanjaan daripada pegawai yang gagal dalam latihan dalam perkhidmatan.	Mengemaskini isi kandungan surat perjanjian.
10	Penelitian Semula Kemudahan-Kemudahan Perkhidmatan Pegawai Kontrak (Asing) di Negara Brunei Darussalam	Dasar	Untuk memudahkan proses penghantaran balik barang-barang persendirian melalui kapal laut (<i>shipping</i>) kepada Kementerian / Jabatan berkenaan.	Kemudahan Perkhidmatan Kontrak: - Penyerahan proses penghantaran balik barang-barang persendirian melalui kapal laut (<i>shipping</i>) kepada Kementerian / Jabatan.
11	G.O. On The Go	Struktur Organisasi	<p>Memberi kemudahan lalu akses kepada maklumat G.O pada bila-bila masa, kemudahan pencarian dan rujukan, akses kepada Surat Keliling, rujukan kertas peperiksaan G.O tahun serta pendaftaran Peperiksaan G.O secara <i>online</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Maklumat dapat diperolehi dan dirujuk dengan mudah dan cepat ● Penyediaan maklumat secara <i>online</i> dapat menjimatkan Kerajaan dari segi penggunaan kertas (tiada lagi buku bercetak) ● Penelitian dan analisis rekod yang berkaitan dapat dibuat dengan tepat dan teratur 	G.O on the go bertujuan bagi meningkatkan kesedaran mengenai Peraturan-Peraturan Am, isu-isu perkhidmatan dan pentadbiran (Hal Ehwal Pengurusan) dalam Kerajaan.

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
12	Government Human Resource Management System (GHRMS)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pengurusan sumber manusia secara keseluruhan. • Menjadikan pengurusan sumber manusia lebih berkesan dan efisien dengan memperbaiki aliran proses yang sedia ada dan melaksanakan Business Process Reengineering (BPR) • Memberikan 'a greater user experience' kepada pengguna dari awal lantikan hingga tamat perkhidmatan / bersara. 	GHRMS merupakan projek <i>flagship</i> dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang melibatkan keseluruhan sumber manusia di Kementerian dan Jabatan Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • GHRMS akan menggantikan sistem Payroll dan HR lain termasuk sistem GEMS yang telah berusia melebihi 10 tahun dalam pengurusan sumber manusia secara menyeluruh • Projek ini diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai program <i>fiscal consolidation</i> bersama TAFIS 2.0
13	PSD Network Infrastructure Upgrade	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menyediakan infrastruktur rangkaian yang lebih terkawal, stabil dan selamat di JPA. • Untuk memenuhi peningkatan jumlah pengguna dan peranti. • Memastikan ketersediaan 99% bagi rangkaian dapat dicapai. • Untuk meningkat dan memperkukuhkan keselamatan rangkaian. • Untuk memudahkan pengkongsian perkhidmatan 	Projek ini bertujuan bagi menaiktaraf sistem rangkaian di bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam Jalan Kumbang Pasang.
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM				
14	Projek Memperkasa Penggunaan Teknologi Maklumat Bagi Meningkatkan Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Proses Dalam Pejabat SPA	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasa penggunaan teknologi maklumat bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan • Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan pegawai-pegawai serta ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam • Meningkatkan penggunaan e-arkib bagi penyimpanan keputusan SPA, dasar dan rujukan bagi memudahkan pengumpulan dan retrieval maklumat dengan teratur dan tersusun • Menerapkan budaya penyimpanan fail di dalam server secara teratur dan tersusun • Menaiktaraf tahap keselamatan siber di dalam rangkaian Pejabat • Mengemaskini inventori dan penyelenggaraan inventori dan barang-barang stor • Meningkatkan keupayaan Pejabat untuk mendaftar dan memantau kehadiran pegawai dan kakitangan 	Projek ini bertujuan untuk menaiktaraf kemudahan dan kapasiti teknologi maklumat bagi mendokong inisiatif penerapan IT dalam pengurusan dan pelaksanaan proses kerja dalaman Pejabat SPA. Projek ini telah membolehkan SPA mewujudkan e-pejabat bagi proses dalaman termasuk pendaftaran proses kerja yang diterima daripada pelanggan utama iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian dan Jabatan Kerajaan hingga pertimbangan dan sokongan SPA dan penyampaian kebenaran SPA.
RADIO TELEVISYEN BRUNEI				
15	Penggantian Sistem Penerbitan Televisyen kepada Sistem High Definition (HD)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Projek 'turnkey' untuk menaiktaraf Sistem Penerbitan TV di Masjid Omar Ali Saifuddien ke 'High Definition' (HD) yang terbaru bagi penerbitan TV solat Jumaat dan acara-acara yang diadakan di Masjid tersebut • Aliran kerja yang lebih efisien dan mudah • Mengurangkan masalah teknikal dan operasi • Menggantikan peralatan yang telah obsolete 	Projek ini adalah bagi penggantian semula peralatan penerbitan televisyen di Masjid Omar Ali Saifuddien daripada Sistem 'Standard Definition' kepada peralatan 'High Definition' (HD) bagi penerbitan solat Jumaat dan acara-acara yang diadakan di Masjid tersebut.

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
16	Penjenamaan Semula (<i>Rebranding</i>) Rancangan Rampai Pagi	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memenuhi permintaan penonton yang semakin tinggi • Sebahagian besar penonton Rampai Pagi adalah suri rumah tangga dan warga emas yang telah bersara. Oleh yang demikian, mereka sewajarnya dijadikan audiens sasaran Rampai Pagi disamping memperkenalkan segmen-segmen baharu yang sesuai dengan citarasa dan kehendak generasi muda belia 	<p>Rampai Pagi adalah sebuah rancangan bual bicara pagi yang disiarkan secara langsung di saluran Perdana dan Sukmaindera, Radio Televisyen Brunei (RTB). Rancangan ini mula bersiaran pada tahun 1988 setiap hari dari jam 7:20 pagi hingga 10:00 pagi. Pada masa ini, rampai pagi mempunyai sembilan (09) pengacara utama, enam (06) pelapor daerah dan lima (05) penyampai lokasi. Rampai pagi membincangkan pelbagai topik menarik seperti kesihatan, masyarakat, keagamaan, keusahawanan, sukan serta hal ehwal semasa. Laporan dari Daerah Tutong, Daerah Belait dan Temburong dibuat secara lintas langsung sahaja.</p> <p>Pada 12hb Ogos 2019 bersempena Hari Raya Aidiladha 1440, penjenamaan semula Rampai Pagi telah dilaksanakan yang melibatkan jadual dan pembaharuan-pembaharuan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ogos 2019 - set, logo, musik tema dan pengisian - September 2019 - kemasukan penerbit dan pembantu penerbit baru - Januari 2020 - penambahan segmen-segmen harian dan pelaksanaan tema harian rancangan rampai pagi - 22 Mac 2020 - Rancangan Rampai Pagi Edisi Khas Israk Mikraj - April 2020 - Pengambilan penyampai jemputan yang dikenali - 13 Mei 2020 - Pelancaran Instagram rasmi Rampai Pagi (@rampaipagi.rtb) atas kerjasama antara penerbit dan penyampai - 24 Mei 2020 - Rancangan Rampai Pagi Edisi Khas Hari Raya Aidilfitri 2020 (set dan pengisian hiburan sepenuhnya 8 hari) - Jun 2020 - Pelaksanaan garis panduan dan etika penyampai rancangan Rampai Pagi dan pembaikan pakej program Daerah-Daerah.
17	Menerbitkan Program-Program Dokumentari yang Memberi Impak Berkesan (<i>Impactful Documentary</i>)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan mutu <i>pre-production</i> • Memantapkan kualiti skrip • Memperbaiki pemilihan subjek / topik • Meningkatkan kualiti penyampaian cerita • Memantapkan teknik penggambaran • Meningkatkan kualiti penyuntingan 	Meningkatkan kualiti isi kandungan program dokumentari dan kemahiran serta teknik penerbitan mengikut <i>standard of procedures</i> (SOP) yang betul.

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
18	Perkhidmatan Siaran Radio Televisyen Brunei Secara Online Menggunakan Over The Top (OTT) RTBGo	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan capaian (<i>reach</i>) audiens dalam dan luar negeri • Membolehkan audiens mengikuti perkhidmatan RTB di mana saja mereka berada dan pada bila-bila masa melalui <i>online platform</i> dan <i>multiscreen devices (smartphone, tablet, laptop)</i> • Menyediakan rancangan-rancangan yang boleh ditonton / didengar melalui <i>Video On Demand</i> dan <i>Audio Podcast</i> • Menyumbang hasil jabatan dengan membuka ruang kepada syarikat / agensi untuk membuat pengiklanan produk / perkhidmatan mereka 	<p>Perkhidmatan <i>Over The Top (OTT)</i> merupakan sebuah platform yang digunakan bagi menyiarkan video atau multimedia yang boleh didapati dan diikuti terus oleh pengguna di dalam dan luar negeri secara dalam talian (<i>online</i>). Ini adalah termasuk penyiaran bagi program-program yang bersiaran secara langsung (<i>live streaming TV</i>), program-program radio (<i>live streaming radio</i>), <i>Video On Demand (VOD)</i> dan <i>Audio Podcast</i>.</p> <p>Sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, RTB turut meneroka penggunaan perkhidmatan OTT dengan mencipta jenama "RTBGo" sebagai salah satu langkah alternatif kepada penyiaran konvensional dalam mengembangkan skop audiens di mana audiens hanya perlu mempunyai rangkaian (<i>internet</i>) dan alat peranti mudah alih (<i>portable devices</i>) seperti telefon bimbit, tablet, komputer dan sebagainya bagi mengikuti siaran-siaran televisyen dan radio</p>
19	Program Latihan di dalam Jabatan dibukakan Khusus Kepada Orang Awam (<i>Public Courses</i>)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu meningkatkan hasil Jabatan • Meningkatkan <i>talent pool</i> dalam industri kreatif • Meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kejuruaan, penerbitan dan penulisan bagi media elektronik 	<p>Dalam menyahut inisiatif jabatan untuk meningkatkan hasil, Pusat Perkembangan Penyiaran RTB telah membukakan beberapa aktiviti latihan yang membolehkan penyertaan orang awam, pelajaran institusi tinggi, pihak swasta dan agensi kerajaan mengikut kadar harga yang bersesuaian.</p> <p>Aktiviti-aktiviti latihan yang dibukakan bagi orang awam ini adalah berpandukan penyertaan sebelumnya yang sangat memberangsangkan dan mempunyai keperluan / <i>demand</i> yang tinggi. Selain daripada itu, ia juga mendapat sambutan baik daripada orang awam.</p> <p>Antara latihan yang dibukakan ialah seperti Bengkel Juruacara Majlis, Bengkel Lakonan, Bengkel Penerbitan Video Pendek.</p>
20	Penstrukturan Semula Seksyen Perdagangan	Struktur Organisasi	Penambahbaikan perkhidmatan dalam memberikan khidmat kepada syarikat-syarikat yang mengiklankan. Dengan struktur baru ini juga akan dapat meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan dengan <i>multiskilling</i> . Disamping itu juga penstrukturan semula ini menempatkan pegawai dan kakitangan dengan kemahiran masing-masing.	Penstrukturan semula Seksyen Perdagangan.
21	Kaedah Penerimaan Hasil Secara Dalam Talian (<i>Online Payment</i>) Bagi Syarikat / Persendirian Membuat Pembayaran	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menjamin keselamatan wang kutipan hasil kerajaan • Menjimatkan penggunaan kertas • <i>Customer Service Oriented</i> - Pelanggan boleh membuat pembayaran dimana sahaja dan pada bila-bila masa dengan tidak terhad kepada waktu operasi Kaunter Unit Hasil 	Kaedah ini dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan sistem dalam talian.

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
22	New DNA for 5 Radio Stations	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Menarik lebih ramai pendengar kerana media sosial lebih senang diakses ● Penggunaan media sosial yang ditingkatkan dan lebih efektif ● Info-info lebih senang disampaikan, lebih cepat dan jelas melalui audio dan video ● Menarik penaja dan meningkatkan hasil 	Khas untuk memberikan pendengar radio satu pembaharuan dari aspek imej dan pengisian yang lebih produktif, efektif dan proaktif. Penggunaan media sosial ditingkatkan dengan adanya <i>mobile journalism</i> dan pendengar akan merasa mesra, lebih dekat dan lebih senang mengakses rancangan-rancangan yang dikedarkan melalui media sosial. Selain itu, projek ini juga dihasratkan akan dapat menarik penaja-penaja dan <i>stakeholders</i> untuk ikut serta dalam sama-sama memberikan info-info disamping mereka boleh dikenali secara tidak langsung.
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI				
23	Pembayaran Saman Menggunakan Terminal dan BIBD Online Payment	Struktur Organisasi	Memudahkan pembayaran bagi pemandu / pengguna jalan raya yang dikenakan denda kompaun dengan memberikan alternatif cara pembayaran selain daripada wang tunai.	Pembayaran denda kompaun atas kesalahan lalu lintas dengan kaedah secara atas talian (<i>bill payment / transfer</i>) bagi pengguna jalan raya / pelanggan BIBD dan juga kaedah pembayaran menggunakan kad kredit / debit dengan menggunakan terminal yang dapat dibuat pembayaran terus di tempat operasi sekatan jalan raya.